

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 10/08/2022
Edisi / Muka Surat : Nasional / 21
Tajuk : ANGKASA sedia kongsi ilmu dengan Bangladesh

SINAR HARIAN • RABU 10 OGOS 2022

16 Sinar NASIONAL 21

Dari segi penubuhan koperasi sekolah dan koperasi kariah masjid di negara itu

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID SHAH ALAM

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) sedia berkongsi ilmu dan kepakaran dengan gerakan koperasi di Bangladesh khususnya dari segi penubuhan koperasi sekolah serta koperasi kariah masjid di negara itu.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya mahu membantu mana-mana negara khususnya negara Islam yang berpotensi besar untuk membangunkan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup komuniti melalui koperasi kariah masjid.

"Majoriti penduduk di Bangladesh iaitu lebih 150 juta

orang atau 91 peratus adalah beragama Islam menjadikan negara keempat di dunia yang memiliki populasi tertinggi umat Islam," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pada Isnin, Angkasa menerima kunjungan Ahli Parlimen Bangladesh, Alhaj Nasrul Islam Babu di Kelana Jaya dan dalam pertemuan tersebut, pelbagai perkara disentuh antaranya pemerkasaan gerakan koperasi di Bangladesh serta kemasukan pekerja dari negara berkenaan ke Malaysia melalui koperasi.

Abdul Fattah menambah, koperasi mampu menjadi sebuah platform yang dapat membantu merekrut pekerja-pekerja asing khususnya untuk bekerja dalam sektor pertanian dan perladangan.

"Malah, kerajaan telah bersetuju koperasi terbabit dalam

Angkasa sedia kongsi ilmu dengan Bangladesh



Abdul Fattah (dua dari kanan) menyampaikan cenderamata sebagai tanda penghargaan atas kunjungan delegasi Bangladesh diketuai Alhaj Nasrul (dua dari kiri) pada Isnin.

sektor perladangan diberi kuota pekerja asing," katanya.

Sementara itu, Alhaj Nasrul yang juga merupakan anggota koperasi melahirkan harapan agar dapat bekerjasama de-

ngan Angkasa dalam pelbagai bidang selain pembekalan dan pengambilan pekerja dari negara tersebut.

Katanya, peranan dan sumbangan gerakan koperasi

di Bangladesh masih lagi di tahap yang rendah dan disebabkan itu penglibatan golongan muda dalam koperasi adalah perkara asas yang perlu dititikberatkan bermula sekarang.